



Praktis Pengukuhan



Solusi Objektif

Rajah berikut berkaitan dengan lahirnya bendera kebangsaan Malaysia.

Pada tahun 1949, Majlis Perundangan Persekutuan menganjurkan pertandingan mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu.

X

Tiga reka bentuk bendera dipilih.

Apakah X?

- A Pindaan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan
- B Pindaan dibuat terhadap rekaan Encik Mohamed Hamzah
- C Keputusan akhir diumumkan dalam akhbar *The Malay Mail*
- D Rekaan yang dihasilkan oleh Mohamed Hamzah telah dipilih sebagai rekaan terbaik

2. Siapakah yang mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu?

- A Tunku Abdul Rahman
- B En. Mohamed Hamzah
- C Majlis Raja-raja Melayu
- D Tun Dr. Mahathir Mohamad

3. Pada tahun 1950, rekaan bendera Persekutuan Tanah Melayu diluluskan oleh

- A Kerajaan British
- B Perdana Menteri
- C Majlis Perundangan Persekutuan
- D Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

4. Mengapakah bulan sabit dan bintang pecah 14 berwarna kuning?

- A Warna agama Islam
- B Hasil ciptaan En. Hamzah Mohamed
- C Menonjol apabila berlatarkan warna biru tua
- D Melambangkan kesetiaan rakyat kepada raja dan negara

5. Apakah makna dan lambang bintang pecah 14 dan 14 jalur pada Jalur Gemilang?

- A 14 buah negeri Melayu
- B Ulang tahun kemerdekaan yang ke-14
- C Keahlian dalam Majlis Raja-raja Melayu
- D Perpaduan 13 negeri dan Kerajaan Persekutuan

6. Gambar berikut menunjukkan bendera kebangsaan.



Apakah makna warna X?

- A Kesucian dan keikhlasan
- B Keberanian dan kegigihan rakyat
- C Kedaulatan Raja Berperlembagaan
- D Perpaduan rakyat yang berbilang kaum


7. Bagaimanakah bendera kebangsaan diletak apabila dijadikan latar belakang tempat berucap?

- A Diletakkan lebih rendah dan di belakang orang yang berucap
- B Diletakkan lebih tinggi dan di belakang orang yang berucap

- C Bulan sabit dan bintang perlu di bahagian kiri apabila dipandang hadapan
- D Kedudukan bulan sabit dan bintang diletakkan menghala ke atas dan jalur membujur di bahagian bawah
8. Mengapakah kita perlu mematuhi etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan?
- A Menjayakan majlis rasmi
- B Mematuhi undang-undang
- C Bangga dengan bendera kebangsaan
- D Cara menghormati bendera kebangsaan
9. Apakah langkah terbaik menguruskan bendera yang koyak?
- A Menjahit dan menampal
- B Membakar secara tertutup
- C Mengibarkan separuh tiang
- D Membuangkan ke dalam tong sampah
10. Mengapakah setiap negara mempunyai bendera kebangsaan sendiri?
- A Merupakan identiti negara
- B Dihormati oleh negara lain
- C Memelihara warisan bangsa
- D Mempertahankan kemerdekaan negara

Soalan Subjektif

1. Lengkapkan ayat dengan memilih jawapan berikut.



- (a) Bendera ialah lambang kewujudan dan _____ sesebuah negara.
- (b) _____, menganjurkan pertandingan mencipta bendera.
- (c) Jalur Gemilang mempunyai 14 jalur yang melambangkan 13 buah negeri dan _____ dalam Malaysia.
- (d) Warna putih pada Jalur Gemilang melambangkan keluhuran dan _____.
- (e) Warna biru tua melambangkan _____ rakyat yang berbilang kaum.
- (f) Bendera hendaklah ditatang atau diletakkan di _____ apabila sampai ke bawah.